

TARIKH	12 / 05 / 2014	SEKSYEN	DALAM NEGERI
MUKA SURAT	13	RUANGAN	

Kematian jemaah umrah dari Jeddah bukan disebabkan MERS-CoV

KUALA LUMPUR 11 Mei - Kementerian Kesihatan mengesahkan kematian seorang jemaah umrah di dalam pesawat AirAsia X dari Jeddah, Arab Saudi Jumaat lalu bukan disebabkan jangkitan Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, jemaah lelaki warga Indonesia berusia 64 tahun itu meninggal dunia disebabkan serangan jantung.

"Jenazah telah dihantar ke Hospital Serdang untuk bedah siasat dan sampel dihantar ke makmal Hospital Sungai Buloh untuk menentukan penyebab kematian.



NOOR HISHAM ABDULLAH

"Sampel telah diambil untuk ujian saringan bagi jangkitan MERS-CoV dan didapati negatif. MERS-CoV," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Menurut Dr. Noor Hisham, maklumat diperolehi mendapati mangsa mengalami gejala demam, batuk, kesukaran bernafas dan kurang selera makan selama beberapa hari sewaktu berada di Tanah Suci dan pernah mendapatkan rawatan di sebuah klinik di sana.

Sehubungan itu, katanya, Kementerian Kesihatan melaksanakan aktiviti pencegahan serta kawalan MERS-CoV mengikut pelan tindakan yang ditetapkan sebagai lang-

kah berjaga-jaga.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan juga mengambil tindakan pencegahan termasuk mengambil maklumat lengkap individu yang berhubung rapat dengan mangsa, menjalankan disinfeksi pesawat serta menjalankan saringan terhadap kesemua 224 penumpang serta 12 anak kapal pesawat terbabit.

Sementara itu, dalam perkembangan sama, pihak AirAsia X memaklumkan pihaknya telah membuat persediaan bersama ahli keluarga serta pihak berkuasa untuk menguruskan penghantaran jenazah pulang ke Surabaya, Indonesia, esok.

Kejadian pada Jumaat lalu menyebabkan penumpang pesawat AirAsia X penerbangan D7 171 dari Jeddah dikuarantin selama hampir dua jam sebaik sahaja tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia 2).